

Keputusan semakan 5 Januari

Najib mohon
jalani tahanan
rumah bersabit
kesalahan
penyelewengan
dana SRC RM42j

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam, menetapkan 5 Januari depan untuk keputusan permohonan semakan kehakiman difailkan Datuk Seri Najib Razak yang memohon suatu perintah memaksa kerajaan atau enam pihak lain menjawab dan mengesahkan kewujudan Titah Adendum.

Titah Adendum itu dikatakan diperkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16 yang membolehkan bekas Perdana Menteri itu menjalani baki hukuman penjaranya bawah tahanan rumah, bersabit kesalahan penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd ber-

jumlah RM42 juta.

Najib juga memohon perintah bahawa jika titah itu wujud, semua responden atau seorang daripada mereka perlu melaksanakannya dengan memindahkan beliau dari Penjara Kajang ke kediamannya di Kuala Lumpur dengan serta-merta untuk menjalani baki hukuman penjara di rumah.

Hakim Mahkamah Tinggi, Alice Loke Yee Ching, menetapkan tarikh itu selepas selesai mendengar hujahan peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah selaku pemohon serta Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan bagi pihak kerajaan dan enam lagi yang dinamakan sebagai responden.

"Saya rasa saya patut mengambil cuti Krismas untuk berfikir dan mempertimbangkannya dengan lebih mendalam," katanya.

Bakti Titah Adendum wujud

Terdahulu, Muhammad Shafee berhujah, mereka sudah lebih daripada membuktikan kepada mahkamah bahawa Titah Adendum itu adalah sah dan ia benar-benar wujud.

Beliau berkata, Jabatan Pe-

guam Negara mempunyai 'sejarah penafian' berhubung titah itu sejak permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman lagi dan mereka sepatutnya diperintahkan untuk menyerahkan satu salinannya.

"Sudah lebih setahun (sejak Titah Adendum itu dikeluarkan) dan ia masih tidak dikuatkuasakan. Anak guam saya sepatutnya berada di bawah tahanan rumah sekarang. Keadilan sudah selesai, kini yang tinggal hanyalah belas kasihan," katanya.

Sementara itu,

Shamsul menegaskan, titah itu tidak dibangkit pada mesyuarat Lembaga Pengampunan pada 8 Disember 2023 dan bukti menunjukkan ia tidak dibuat selaras Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan (kuasa pengampunan).

Shamsul dalam hujahannya berkata, minit mesyuarat lembaga itu menunjukkan hanya satu keputusan dibuat, iaitu pengurangan hukuman 50 peratus oleh Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Beliau berkata, kandungan titah bertarikh 29 Januari 2024, seperti dilampirkan dalam eksibit adidavit anak Najib, Datuk Mohamad Nizar tidak dibincangkan ketika mesyuarat dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong.

"Berdasarkan Perkara 42(1) dibaca bersama Perkara 42(8), apa-apa keputusan Yang di-Pertuan Agong mengenai permohonan pengampunan di Wilayah Persekutuan mesti ditentukan baginda melalui Lembaga Pengampunan dalam satu mesyuarat dipengerusi-

kan baginda.

"Pada penghujung mesyuarat Lembaga Pengampunan, Sekretariat Lembaga Pengampunan akan menyediakan perintah untuk kelulusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, pelaksanaan tahanan rumah seperti dinyatakan dalam Titah Adendum tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengampunan ke-61," katanya.



Najib Razak